

22.5.2020

KENYATAAN MEDIA

oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

AMARAN 5 SITUASI BEKALAN AIR PULAU PINANG 2020: SIRI KEDUA OPERASI PEMBENIHAN AWAN DIPERLUKAN DALAM BULAN JUN 2020

- **Operasi pembenihan awan dari 25.4.2020 hingga 21.5.2020 berjaya mencetus hujan di Pulau Pinang dan Kedah.**
- **Kapasiti efektif Empangan Air Itam telah meningkat sebanyak 11.6%. Bagaimanapun, kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang hanya meningkat sebanyak 1.0%.**
- **PBAPP akan memohon persetujuan untuk satu lagi siri operasi pembenihan awan pada bulan Jun.**

PULAU PINANG, Jumaat, 22.5.2020: Rancangan pembenihan awan Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada April-Mei 2020 telah berjaya mencetus lebih banyak hujan di kawasan tadahan air Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang.

Kerajaan Negeri telah meluluskan rancangan untuk melaksanakan 10 operasi pembenihan awan di kawasan tadahan air 6 empangan di Pulau Pinang dan Kedah, dan juga Sungai Muda, bermula 25.4.2020. Setakat ini, 6 operasi pembenihan awan telah dijalankan, dengan 4 operasi pembenihan awan dijadualkan pada akhir Mei dan awal Jun 2020.

Dalam tempoh 25.4.2020 hingga 21.5.2020, sebanyak 253 mm hujan direkodkan di Empangan Air Itam sementara 801 mm hujan direkodkan di Empangan Teluk Bahang.

Harap maklum bahawa kapasiti efektif maksimum Empangan Air Itam adalah 2.16 bilion liter sementara kapasiti efektif maksimum Empangan Teluk Bahang adalah 18.24 bilion liter.

Dalam erti kata lain, Empangan Teluk Bahang adalah empangan yang lebih besar. Kapasiti efektif maksimumnya adalah 8.4 kali melebihi kapasiti efektif Empangan Air Itam. Oleh itu, lebih banyak hujan diperlukan untuk mengisi semula Empangan Teluk Bahang.

Jadual berikut membandingkan kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang pada 25.4.2020 dan 21.5.2020:

Empangan	Kapasiti Efektif (%) 25.4.2020	Kapasiti Efektif (%) 21.5.2020	% Penambahan
Air Itam	32.4	44.0	11.6
Teluk Bahang	20.4	21.4	1.0

Berdasarkan hasil setakat ini, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) akan memohon persetujuan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memulakan siri kedua operasi pembenihan awan pada bulan Jun 2020 kerana PBAPP memerlukan lebih banyak hujan bagi memastikan keselamatan bekalan air pada tahun 2020 dan 2021.

Rasional untuk siri kedua operasi pembenihan awan pada Jun 2020

Rasional utama PBAPP untuk siri kedua operasi pembenihan awan pada bulan Jun 2020 adalah seperti berikut:

- 1. Sehingga 21.5.2020, kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang masih di bawah paras 50%.**

Kapasiti efektif empangan adalah rendah sejak 1.1.2020 kerana jumlah hujan yang sangat rendah direkodkan di kawasan tadahan air Pulau Pinang dalam tempoh bulan Jun 2019 hingga pertengahan April 2020.

- 2. Tanpa hujan yang berterusan, kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Teluk Bahang akan terus berkurangan.**

PBAPP telah melaksanakan kawalan ketat untuk meminimumkan pelepasan harian empangan sejak 1.1.2020.

- 3. Bulan Jun 2020 menampakkan peluang yang mampu memaksimumkan hujan di kawasan tadahan air Pulau Pinang.**

Ribut petir dan hujan telah diramalkan pada bulan Jun 2020, memungkinkan kehadiran awan hujan. Walau bagaimanapun, jumlah hujan tidak dapat diramalkan. Adalah wajar untuk melaksanakan pembenihan awan untuk memaksimumkan hujan ketika keadaan adalah baik. Menjelang Julai 2020, awan hujan mungkin berkurangan sedikit.

4. Operasi pembenihan awan April-Mei adalah efektif.

Operasi pembenihan awan sejak 4 minggu lalu telah membuahkan hasil. Oleh itu, pembenihan awan harus diteruskan pada bulan Jun 2020 kerana Pulau Pinang masih memerlukan lebih banyak hujan untuk mengisi semula empangan utamanya.

5. Jaminan “tiada catuan air” pada separuh kedua 2020

Empangan Air Itam mesti menyimpan air mentah yang mencukupi untuk memenuhi semua keperluan bekalan air pengguna air di Air Itam dan Paya Terubong hingga akhir tahun. Begitu juga, kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang mesti ditingkatkan untuk memastikan keselamatan bekalan air di kawasan Teluk Bahang, Batu Ferringhi dan Tanjung Bungah hingga 31.12.2020.

6. Jaminan “tiada catuan air” pada suku pertama 2021

Memandang ke hadapan, Pulau Pinang dan PBAPP juga harus bersiap sedia untuk musim kemarau seterusnya, yang dijangka akan bermula awal tahun 2021. Dalam konteks ini, kita perlu memanfaatkan setiap peluang yang ada untuk mengisi semula Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang, dengan sebanyak mungkin air hujan, mulai sekarang hingga akhir tahun 2020.

7. Menjaga status “negeri hijau” Pulau Pinang dalam memerangi Covid-19

Dalam keadaan normal, bekalan air berterusan adalah perkhidmatan awam penting yang menyokong kesejahteraan rakyat Pulau Pinang dan pertumbuhan semua sektor sosio ekonomi. Dalam memerangi Covid-19, perkhidmatan ini menjadi perkhidmatan barisan hadapan yang penting kerana bekalan air membantu 1.78 juta penduduk menjaga kebersihan diri dengan baik, bagi mengawal pandemik

berkenaan.

Diketuai oleh Ketua Menteri YAB Tuan Chow Kon Yeow, Pulau Pinang kini telah mencapai status “negeri hijau” dalam memerangi Covid-19. Bagi memastikan negeri ini dapat mengekalkan status “negeri hijau”, PBAPP harus terus membekalkan air yang mencukupi untuk 1.78 juta penduduk Pulau Pinang untuk kekal bersih, sihat dan selamat. Selain itu, bekalan air yang berterusan juga diperlukan untuk memudahkan pemulihan ekonomi Pulau Pinang secara beransur-ansur dan sihat.

Oleh itu, “pelaburan” dalam operasi pembenihan awan siri kedua pada bulan Jun 2020, untuk meningkatkan lagi penyimpanan air mentah negeri di Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang, akan menjadi inisiatif yang bijaksana dan wajar.

Terima kasih

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my